

Islam Di antara Kejahilan Pemeluknya, dan Kelemahan Ulamanya

(II)

Sebagai menyambung bahasan maqalah yang bertajuk di atas dari buah pena almarhum Ustaz

Abdul Qadir Audah marilah bersama-sama kita ikuti buah fikiran beliau mengenai nilai mutu hukum syarak yang menjadi sebagai syariat ketuhanan international yang sentiasa tegas dan sempurna di dalam sesuatu hukum yang dibawanya.

(Terjemahan bebas oleh: Azmi)

Hukum Syarak Tidak Berpecah-pecah

Hukum syarak itu tidak berpecah-pecah dan tidak menerima perpecahan, kerana perpecahan di dalam sesuatu hukum itu adalah menyalahi maksud dan tujuan dari syariat Islam. Sungguhpun nas-nas hukum yang didapati di dalam syariat Islam; melarang seseorang itu beramal dengan setengah-setengah hukum yang diwajibkan ke atasnya dan melainkan setengah-setengah hukum yang lain; begitu pula syariat Islam tidak membenarkan seseorang itu beriman (percaya) kepada setengah-setengah iktiqad Islam yang dan kafir (tidak percaya) kepada setengah iktiqad Islam yang lain - sedang kedua-duanya diakui oleh Islam akan hak dan kebenarannya – tetapi syariat Islam mewajibkan ke atas tiap-tiap seorang penganut Islam beramal dengan segala amalan yang difardukan ke atas mereka mengerjakannya dan beriman kepada segala iktiqad yang wajib dipercayai sebagaimana nas dan keterangan ada tercatat dengan terang di dalam kitab suci al-Qur’ān dan al-ḥadīth al-nabawī. Barangsiapa yang tidak mahu percaya kepada setengah-setengah hukum dan mempercayai setengah-setengah hukum yang lain – sedang kedua-duanya

terbit dari sumber yang satu yaitu dari Qur’an dan Hadith – maka termasuklah ia di dalam golongan orang-orang yang dikatakan Allah didalam firman-Nya di sūrah al-Baqarah ayat (85):
“Afatu’minūna biba’ḍi al-kitabi wa takfurūna biba’ḍi, famājazā’u man yaf’al zalika minkum illa khizyu fī al-hayati al-dunyā wayauma al-qiyamati yuraddūna ila ashaddi al-‘azāb wa mā Allāhu bighafilī ‘amma ta’malun”

Ertinya: “Adakah kamu percaya sebahagian sahaja daripada Kitab (Qur’an) dan tidak percaya kepada sebahagian yang lain? Oleh sebab itu bukannya tidak ada balasan bagi orang-orang yang berbuat demikian, melainkan kehinaan di dalam kehidupan di dunia ini, dan pada hari kiamat akan dicampakkan mereka ke dalam sepedih-pedih seksaan, dan Allah tidak lalai dari segala apa yang kamu kerjakan.”

Nas-nas yang mengatakan tentang haramnya seseorang Islam meninggalkan suatu amalan yang diwajibkan serta mengerjakan sesuatu amalan lain (yang tidak diwajibkan), tersangat banyak tercatat di dalam kitab suci

al-Qur’an al-Karim. Setengah daripadanya seperti firman Allah di dalam sūrah al-Baqarah ayat (159) dan ayat (160) yang berbunyi:

“Inna alladhīna yaktumūna mā anzalnā mina al-bayyinati wa al-huda min ba’ḍi mā bayyannāhu linnāsi fī al-kitabi ula’ika yal’anahumu Allāhu wayal’anahumu al-la’inūna Illā alladhīna tābu wa aṣlahū wa bayyanū fa ula’ika atūbu ‘alayhim wa anā al-tawwābu al-raḥīm”

Ertinya: Sungguhpun mereka yang menyembunyikan keterangan-keterangan dan petunjuk yang telah Kami turunkan sesudah Kami terangkan dia untuk manusia di Kitab itu, maka mereka itu akan dilaknat Allah dan dilaknat oleh orang-orang yang kena laknat; kecuali mereka yang bertaubat dan berbuat kebaikan dan menerangkan kebenaran, maka orang-orang itu akan Aku ampunkan mereka, kerana Akulah Tuhan yang Pengampun lagi Penyayang.”

Maksud menyembunyikan keterangan-keterangan dan petunjuk-petunjuk yang dituju oleh ayat di atas ialah beramal dengan setengah hukum yang telah diturunkan Allah dan meninggalkan setengah yang lain; mempercayai setengah daripadanya dan

mengingkari akan setengah yang lain seperti mana firman Allah di dalam ayat (174) dan (175) dari sūrah al-Baqarah juga:

“Inna alladhīna yukumūna mā anzala Allāh min al-kitābi wa yashtarūna bihi thamanā qalīlā, ula’ika mā ya’kulūna fī buṭūnihim illā al-nār, walā yukallimuhum Allāhu yawma al-qiyāmati walahum ‘adhābu alīm’. Ula’ika alladhīna ashtarawu al-ḍalālata bi al-huda wa al-‘adhāba bi al-maghfirati famā aṣbarahum ‘ala al-nār”

Ertinya: “Sungguhny orang-orang yang menyembunyikan isi kitab yang diturunkan Allah dan menjualkan dia dengan harga yang sedikit (murah) maka tidak akan dimasukkan ke dalam perut-perut mereka melainkan api neraka, dan Allah tidak berkata-kata kepada mereka (lantaran murka-Nya kepada mereka) di Hari Kiamat dan tidak akan membersihkan mereka daripada dosa-dosa yang telah mereka lakukan, dan adalah bagi mereka seksaan yang pedih; mereka itu ialah orang-orang yang menukar jalan yang lurus dengan kesesatan dan menukar keampunan dengan azab; lantaran itu alangkah sabarnya mereka atas seksaan api neraka itu.”

Dan firman Allah lagi dalam sūrah al-Mā’idah ayat (44):

“Falā takshawu al-nās wa akhshawni walā tashtarū bi’āyati thamana qalīlā, waman lam yaḥkum bimā anzala Allāh fa’ula’ika humu al-kāfirūn”

Ertinya: “Maka janganlah kamu takut kepada manusia, tetapi takutlah kepada-Ku, dan janganlah kamu jual ayat-ayat-Ku dengan harga yang murah; kerana barangsiapa yang tidak menghukum dengan

apa yang telah diturunkan oleh Allah, maka adalah mereka itu dari golongan orang-orang yang kafir.”

Dan firman Allah lagi di dalam sūrah an-Nisā’ ayat (150) dan ayat (151):

“Inna alladhīna yakfurūna bi Allāhi warasulīhi wayurīdūna an yufarriqū bayna Allāh warasulīhi wayaqūlūna nu’minu biba’ḍi wanakfuru biba’ḍi wayurīdūna an yattakhizū bayna zalika sabīlā. ’Ula’ika humu al-kafirūna haqqā wa a’atadna lilkafirīna ‘adhābā muḥīnā”

Ertinya: “Sungguhny mereka yang kufur kepada Allah dan rasul-rasul-Nya, dan hendak membezakan di antara (hukum) Allah dan rasul-rasul-Nya, dan mereka berkata: Kami mahu beriman kepada sebahagian (daripada perintah) dan tidak mahu beriman kepada sebahagian (perintah yang lain), dan mereka hendak mengambil di antara salah satu jalan itu, maka mereka itu adalah sebenar-benar kafir dan Kami telah sediakan untuk orang-orang kafir itu azab yang menghina.”

Di dalam sūrah al-Mā’idah dari ayat (48) hingga ke ayat (50) Tuhan ada berfirman pula:

“Wanzaḥnā ilayka al-kitābi bi al-ḥaqqi muṣaddiqū limā yadayhi min al-kitābi wamuhayminā ‘alayhi fa aḥkum baynahum bimā anzala Allāhu walā tattabi’ ahwā’ahum ‘ammā jā’aka mina al-ḥaqqi likulli ja’alnā minkum shir’ata waminhājā walawshā’a Allāh laja’alakum ummata waḥidata walakin liyabluwakum fī mā ‘ātakum fa astabiqū al-khayrat ila Allāhi marji’ukum jamī’ā fayunabbi’ukum bimā kuntum fīhi takhtalifūn. Wa ani aḥkum baynahum bimā anzala Allāh walā tattabi’ ahwā’a

hum waḥdharhum an yaftinūka ‘an ba’ḍi mā anzala Allāh ilayka fa in tawallaw fa’lam annamā yurīdu Allāh an yuṣṣbahum biba’ḍi dhunūbihim wa inna kathīrā min al-nās lafasiqūn. Afaḥukma al-jahiliyyati yabghūn waman aḥsanu min Allāh ḥukmā liqawmi yūqinūn”

Ertinya: Dan Kami (Allah) telah turunkan kepadamu (Muhammad) akan Kitab (al-Qur’ān) dengan membawa kebenaran sebagai menghadapi cabaran yang ada lebih dahulu daripadanya yaitu Kitab (Taurat) dan sebagai menjadi saksi di atas. Lantaran itu hukumkanlah di antara mereka dengan apa-apa yang Allah telah turunkan, dan janganlah engkau turut hawa nafsu mereka (yang boleh memalingkan hati kamu) daripada menerima kebenaran yang datang kepadamu. Bagi tiap-tiap umat daripada kamu Kami telah adakan peraturan dan jalan, pada hal kalau Allah mahu nescaya ia jadikan kamu hanya satu umat; tetapi ia mahu menguji kamu tentang apa yang Ia telah kurniakan kepada kamu. Oleh kerana itu berlumba-lumbalah kamu ke jalan kebaikan. Kepada Allah tempat kamu sekalian kembali. Maka Ia akan khabarkan kepada kamu apa yang kamu berselisih padanya; dan hendaklah engkau hukumkan antara mereka dengan apa yang Allah telah turunkan, dan janganlah engkau menurut hawa nafsu mereka, dan berjaga dirilah daripada mereka. Khuatir kalau mereka menggelincirkan engkau daripada sebahagian (perintah) yang Allah turunkan kepadamu. Maka sekiranya mereka berpaling (daripada kebenaran), ketahuilah bahawa Allah tidak mahu melainkan akan menyeksa mereka dengan sebab sebahagian daripada dosa-dosa mereka; dan sungguhny kebanyakan

¹ Ayat yang sebenarnya adalah al-qiyāmati walā yuzakkīhim walahum ‘adhābu alīm.

daripada manusia itu fasik. Apakah mereka mahukan hukuman jahiliyyah, pada hal bukankah tidak ada siapa-siapa yang hukumannya lebih baik daripada hukuman Allah bagi sesuatu kaum yang berkeyakinan?"

Syariat Islam Syariat Ketuhanan International

Keistimewaan syariat Islam ialah kerana dia sebuah syariat ketuhanan international yang berdasarkan tegas dan kebenaran; syariat yang diturunkan Allah kepada rasul-Nya Nabi Muhammad (S.A.W.) untuk dipersampaikan kepada seluruh manusia, sama ada manusia yang berbangsa Arab mahupun manusia yang berbangsa 'ajam (bukan arab), sama ada mereka itu daripada orang-orang timur mahupun orang-orang barat, meskipun mereka berlainan asal keturunan, warna kulit, adat resam dan berlainan pula dari

segi sejarah, namun begitu syariat Islam diturunkan tetap untuk kepentingan dan kebahagiaan semua orang, semua kaum dan semua bangsa manusia yang hidup di maya pada ini; malahan untuk semua pemerintahan yang berdasarkan ketuhanan yang Maha Esa. Sekali lagi saya tegaskan bahawa syariat Islam ialah syariat ketuhanan international yang sesuai dijadikan panduan hidup oleh semua golongan manusia dengan tidak menerima perubahan dan tidak boleh dipinda-pinda dan ditokok tambah.

Bacalah firman Allah di dalam sūrah Al-A'rāf ayat (158) yang berbunyi:

"Qul yā ayyuhā al-nās inni rasūl Allāh 'ilaykum jamī'ā"

Ertinya: "Katakanlah wahai Muhammad! Wahai sekalian manusia! Sesungguhnya saya adalah utusan Allah kepada kamu


sekalian." Dan berfirman lagi dalam sūrah al-Tawbah ayat (33):

"Huwa alladhī arsala rasūlahu bi al-huda wadīni al-haq liyuzhīrahū 'ala al-dīni kullīhi walaw kariha al-musyrikūn"

Ertinya: "Ialah (Allah) yang telah mengutus rasul-Nya dengan membawa petunjuk dan agama yang benar untuk meninggikan Dia atas semua agama, walaupun tidak disukai orang-orang Musyrikin."

Syariat Islam Syariat yang Sentiasa Sempurna

Sesungguhnya syariat Islam diturunkan Allah sebagai satu syariat yang mengandungi peraturan-peraturan dan pengajaran-pengajaran yang cukup lengkap dan sempurna untuk dijadikan panduan hidup di dunia dan di akhirat. Syariat ini diturunkan hanya dalam masa yang paling singkat sekali jika dibandingkan



Sebahagian daripada kapal terbang perang penyerang Angkatan Udara Amerika sedang melancarkan serangan-serangan hebat ke atas salah sebuah bandar Vietnam Utara